[2 markah/marks]

Jawapan/Answer : 1.75 m

- (c) jarak mengufuk peluru, dalam m, apabila ia berada pada ketinggian yang sama di (b) semula.
The horizontal distance, in m, of the bullet when it is at the same height in (b) again.


[2 markah/marks]

Jawapan/Answer : $x = 6$ m

Jawapan/Answer :

49. Rajah dibawah menunjukkan satu segi tiga bersudut tegak. Diberi perimeter segitiga itu ialah 60 cm dan luasnya ialah 120 cm^2 .

The diagram shows a right-angled triangle. The perimeter of the triangle is 60 cm and its area is 120 cm^2 .



- (a) Terbitkan persamaan $x + 2y = 62$ dan $xy - 2x = 240$.

Derive the equation $x + 2y = 62$ and $xy - 2x = 240$.

[2 markah/marks]

- (b) Cari pasangan nilai x dan y yang memuaskan persamaan dalam (a).

Find the pairs of values of x and y which satisfies the equation in (a).

[5 markah/marks]

- (c) Nyatakan dimensi sebenar bagi segi tiga itu.

State the actual dimensions of the triangle.

[1 markah/mark]


Jawapan/Answer : (b) $x = 10, y = 26; x = 48, y = 7$

(c) 10 cm, 24 cm, 26 cm

Jawapan/Answer :

50. Rajah di bawah menunjukkan sebidang tanah berbentuk segi empat tepat dengan lebar $(3+5\sqrt{7})$ m.

The diagram shows a plot of rectangular land with a width of $(3+5\sqrt{7})$ m.



Diberi Panjang tanah itu adalah 2 kali lebarnya. Hitung luas tanah itu dalam bentuk

$(a + b\sqrt{7})$

Given the length of the land is 2 times its width. Find the area of the land in the form

$(a + b\sqrt{7})$

[5 markah/marks]

Jawapan/Answers: $2a^2 + 4ab\sqrt{7} + 14b^2$

Jawapan/Answer :

51. (a) En Tham ialah seorang peserta yang berlatih untuk suatu larian sejauh 12 kilometer. Pada hari pertama, beliau bermula dengan larian sejauh 500meter. Kemudian, menambahkan jarak lariannya sebanyak 250 meter setiap hari.

En Tham is a participant training for a 12 kilometer run. On the first day, he started with a 500 meter run. Then, increase his running distance by 250meters every day.


Cari bilangan hari yang diperlukan supaya dia dapat berlari sejauh 12 kilometer dalam latihannya pada satu hari.

Find the number of days it will take him to run 12 kilometers in training in one day.

[3 markah/marks]

- (b) Rajah menunjukkan segi empat sama A,B dan C dengan segiempat sama A mempunyai panjang sisi k cm. Salah satu sisi segiempat sama A mempunyai garis lurus yang dilukis dengan menyambungkan sisi bersebelahan dengan titik tengah. Suatu segi empat sama B, dibentuk daripada sisi yang asal dan susunan segi empat sama itu berterusan hingga seterusnya.

Diagram shows the equilateral quadrilaterals A, B and C with the equilateral quadrilateral A having side lengths of k cm. One side of the equilateral quadrilateral A has a straight line drawn by joining the side adjacent to the midpoint. A quadrilateral equals B, formed from the original side and the arrangement of the same quadrilateral continues onwards



- (i) Nyatakan luas segi empat sama A,B dan C, dalam sebutan k
Express the area of the same quadrilateral A, B and C, in terms of k

[1 markah/mark]

- (ii) Cari jumlah perimeter bagi 8 buah segiempat sama yang pertama dengan menggunakan nilai $k = 6$ cm.

Find the sum of the perimeters for the first 8 equal quadrilaterals using the value of $k = 6$ cm.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer : (a) 47 (b)(i) k^2 , $\frac{1}{4} k^2$, $\frac{1}{16} k^2$ (ii) 47.81

Jawapan/Answer :

52. Jadual menunjukkan nilai bagi pemboleh ubah p dan q , diperolehi dari satu eksperimen.

Table shows the value of variables p and q , which are obtained from an experiment.

p	12	15	20	28	40
q	9.3	11.5	14	17	22

- (a) Adalah diketahui bahawa p dan q dihubungkan oleh persamaan $\frac{1}{q} = \frac{1}{p} + r$, dengan keadaan r ialah pemalar. Terangkan bagaimana satu graf garis lurus dapat dilukis untuk mewakili persamaan ini.

It is known that p and q are connected by the equation $\frac{1}{q} = \frac{1}{p} + r$, where r is a constant. Explain how a straight line graph can be drawn to represent the equation.


- (b) Seterusnya, dengan menggunakan skala 2 cm kepada 0.01 unit pada kedua-dua paksi, lukis garis lurus penyuaian terbaik untuk menentukan penghampiran bagi nilai r .
Hence, by using a scale of 2 cm to 0.01 unit on both axes, draw the line of best fit to determine the approximate value of r .

[8 markah/marks]

Jawapan/Answer : (b) $r = 0.026$

Jawapan/Answer :

53. Rajah menunjukkan sebahagian daripada pelan kawasan sebuah taman yang dilukis pada Satah Cartes. H ialah satu titik pada PQ dengan keadaan $PH : HQ = 4 : 1$. Satu laluan pejalan kaki lurus yang berserenjang dengan PQ dan akan dibina melalui titik H. *Diagram shows part of the plan of a park drawn on a Cartesian plane. H is a point on PQ such that $PH : HQ = 4 : 1$. A straight walkway perpendicular to PQ will be built through point H.*



- (a) Cari persamaan laluan pejalan kaki itu.
Find the equation of the walkway.
- (b) Tentukan sama ada tiang bendera R harus dipindahkan ke tempat lain atau tidak.
Determine whether the flag pole R should be moved to another place or not.

[7 markah/marks]

Jawapan/Answer : (a) $13y = 10x - 562$ (b) moved to another place

Jawapan/Answer :

54. Dua butir zarah P dan Q masing-masing berada di kedudukan (4,6) dan (4,4) pada suatu ketika. Kedua-dua zarah mula bergerak pada masa yang sama masing-masing dengan halaju $(12\hat{i} - 5\hat{j})\text{ms}^{-1}$ dan $(4\hat{i} + 3\hat{j})\text{ms}^{-1}$ dan masing-masing tiba di titik M dan titik N, 3 saat kemudian. (Andaikan 1 unit sebagai 1 m).

The two particles P and Q are at positions (4,6) and (4,4) respectively at some point. The two particles begin to move at the same time each with velocity $(12\hat{i} - 5\hat{j})\text{ms}^{-1}$ and $(4\hat{i} + 3\hat{j})\text{ms}^{-1}$ and arrive at point M and point N, 3 seconds later. (Assume 1 unit as 1 m).

- (a) Cari jarak MN

Find the distance MN

[3 markah/marks]

- (b) Cari vektor yang mewakili halaju zarah P jika zarah P bergerak dari titik M menuju titik N dengan magnitude 1ms^{-1} .

Find the vector that represents the velocity of the particle P if the particle P moves from point M to point N with magnitude 1ms^{-1} .


[3 markah/marks]

Jawapan/Answer : (a) 32.56 m (b) $\frac{1}{\sqrt{265}}(-12\hat{i} + 11\hat{j})\text{ms}^{-1}$

Jawapan/Answer :

55. Rajah menunjukkan pelan awal pentas untuk kegunaan sebuah rancangan televisyen dengan menggunakan bulatan sebagai konsep rekaannya. Diameter pentas utama ialah 12 meter dan lebar keseluruhan pentas ialah 30 meter. Arkitek yang bertugas membahagi sama sudut bulatan pentas utama kepada 12 bahagian yang sama besar dan 4 sektor tersebut dipanjangkan sebagai tangga.

Diagram shows the initial plan of the stage for the use of a television show by using a circle as its design concept. The main stage diameter is 12 metres and the overall width of the stage is 30 metres. The architect divides the angle of the main stage circle equally to 12 sectors and 4 sectors are extended as the steps.



[Guna / Use $\pi = 3.142$]

- (a) Cari nilai bagi θ , dalam radian.

Find the value of θ , in radian.

- (b) Hitung keluasan tangga.

Calculate the area of the steps.

[6 markah/marks]

Jawapan/Answer : (a) 0.5327 rad (b) 565.65 m²

Jawapan/Answer :

56. Udara di dalam sebuah belon sfera terlepas melalui bocoran kecil, isipadu belon itu menyusut dengan kadar $x \text{ cm}^3 \text{ s}^{-1}$. Kadar perubahan jejari belon ialah $\frac{1}{4} \text{ cm}^{-1}$ apabila isipadu belon ialah $2304\pi \text{ cm}^3$

Air in the spherical balloon leak out through tiny holes. The volume of the balloon decreases at a rate of $x \text{ cm}^3 \text{ s}^{-1}$. The rate of change in the radius of the balloon is $\frac{1}{4} \text{ cm}^{-1}$ when the volume of sphere $2304\pi \text{ cm}^3$.

Cari

Find

- (a) Nilai bagi x , dalam sebutan π ,
The value of x , in terms of π , [3 markah/marks]
- (b) kadar perubahan dalam luas permukaan bagi belon itu, dengan menggunakan jejari dalam (a)
the rate of change of the surface area of the balloon, by using the value of radius in a (a) [2 markah/marks]
- (c) peratus penyusutan dalam isi padu belon itu, jika jejari belon menyusut sebanyak 10%.
the percentage of decrease in the volume of the balloon, if the radius of the balloon decreased to 10%.


[3 markah/marks]

Jawapan/Answer : (a) $-144\pi \text{ cm}^3 \text{ s}^{-1}$ (b) $24\pi \text{ cm}^2 \text{ s}^{-1}$ (c) 30 %

Jawapan/Answer :

57. Rajah menunjukkan AB ialah satu garis lurus dengan persamaan $y = a$ dan selari dengan paksi-x.

Diagram shows a straight line AB, $y = a$ and parallel with x-axis.



Rajah / Diagram

- (a) Hitungkan luas rantau berlorek.

Find the area of the shaded region.

[3 markah/marks]

- (b) Q ialah bongkah yang terhasil apabila rantau yang terbatasi oleh lengkung $y = x^2 + 1$ dan garis $y = a$ dikisarkan melalui 180° pada paksi-y. Jika isipadu yang terhasil ialah $\frac{1}{2}\pi$ unit³, cari nilai a.

Q is a shape formed when the curve $y = x^2 + 1$ and straight line $y = a$ is rotated through 180° about the y-axis. If the volume of Q is $\frac{1}{2}\pi$ unit³, find the value of a.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer : (a) $\frac{56}{81}$ (b) $a = 2$

Jawapan/Answer :

58. (a) Rajah menunjukkan sebuah meja bulat di Majlis Makan Malam Tingkatan 5.
Diagram shows a round table at the Form 5 Dinner.



Lima orang guru lelaki dan 5 guru perempuan di tempatkan di meja ini.
Berapakah bilangan cara guru-guru itu boleh ditempatkan
Five male teachers and 5 female teachers are seated at the table.
In how many ways the teachers can be seated

- (i) jika guru lelaki dan guru perempuan mesti duduk berselang-seli
if the male teachers and female teachers are on alternate seats
- (ii) sekiranya terdapat pasangan guru yang sudah berkahwin dan mesti duduk bersama
if there is a pair of teachers who are married and must sit together

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer : (a) (i) 2 880 (ii) 80 640

- (b) Alisya, Mei dan 5 rakan mereka keluar membeli ais krim semasa rehat. Cari bilangan cara, 4 ais krim oren, 2 ais krim strawberi dan 1 ais krim limau nipis boleh diedarkan di antara 7 gadis itu jika Alisya memilih 1 ais krim oren dan Mei memilih 1 ais krim strawberi?

Alisya , Mei and 5 of their friends go out to buy ice cream during recess. In how many ways can 4 orange ice creams , 2 strawberry ice creams and 1 lime ice cream be distributed among the 7 girls if Alisya choose one orange ice cream and Mei choose one strawberry ice cream?

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer : (b) 20

Jawapan/Answer :

59. (a) Satu buah dadu adil dilambung sebanyak 600 kali. Cari min dan varians untuk mendapatkan nombor perdana.

A fair dice is tossed 600 times. Find the mean and variance of getting a prime number.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer : $\mu=300$, $\sigma^2=150$

- (b) Dalam satu latihan memanah, didapati kebarangkalian bahawa Syaquiera berjaya mengenai sasaran ialah p .

In archery practice, the probability that Syaquiera will hit the target is p .

- (i) Cari nilai p dan bilangan percubaan yang perlu dilakukan supaya min dan sisihan piawai mengenai sasaran masing-masing ialah 20 dan 2.

Find the value of p and the number of trials to be taken so that the mean and standard deviation for hitting the target is 20 and 2 respectively.

- (ii) Jika 10 percubaan dilakukan, tentukan kebarangkalian bahawa Syaquiera berjaya memanah sasaran sekurang-kurangnya 9 kali.

If 10 trials are taken, determine the probability that Syaquiera hits the target at least 9 times.


[5 markah/marks]

Jawapan/Answer : (i) $p = 4/5$ dan $n = 25$ (ii) 0.3758

Jawapan/Answer :

60. Rajah di bawah menunjukkan pandangan hadapan trek 'roller coaster' di sebuah taman tema.

Diagram below shows the front view of a roller coaster track at a theme park.



Lengkung trek 'roller coaster' itu diwakili oleh persamaan $y = \cos(kx) + n$.

The curve of the roller coaster track is represented by an equation $y = \cos(kx) + n$.

- (a) Nyatakan nilai m , n dan k .

State the values of m , n and k .

[3 markah/marks]

$$\text{Jawapan/Answer : } m = 2, n = 12, k = \frac{3}{2}$$

- (b) Satu kabel yang tegang disambung di antara titik permulaan trek dan titik akhir trek. Cari persamaan garis lurus, dalam sebutan π , yang dihasilkan oleh kabel tersebut serta nyatakan bilangan kali kabel itu bersilang dengan trek.

A taut cable is stretched between the starting point of the track and the end point of the track. Find the equation of the straight line, in terms of π , that the cable makes and state the number of times the cable intersects with the track.

[3 markah/marks]

$$\text{Jawapan/Answer : } y = -\frac{10}{\pi}x + 22, \text{ persilangan} = 5$$

Jawapan/Answer :

61. Diberi bahawa $f(x) \rightarrow 2 - 9x$ dan $g(x) \rightarrow 6x - 2$
It is given that $f(x) \rightarrow 2 - 9x$ and $g(x) \rightarrow 6x - 2$.

(a) Cari
Find

(i) $g(2)$

(ii) nilai p jika $f(p+3) = \frac{1}{8}g(2)$

the value of p if $f(p+3) = \frac{1}{8}g(2)$

(iii) $gf(x)$.

- (b) Seterusnya, lakarkan graf $y = |gf(x)|$ untuk $-1 < x < 4$. Nyatakan julat bagi y .

Hence, sketch the graph of $y = |gf(x)|$ for $-1 < x < 4$. State the range of y .

[10 markah/marks]

Jawapan/Answer : (a) (i) 10 (ii) $p = -\frac{35}{12}$
 (iii) $gf(x) = 10 - 54x$ (b) $10 < y < 206$

Jawapan/Answer :

62. Fungsi $f(x) = m^2 + 2mx - x^2$ mempunyai nilai maksimum $n^2 + 3m$, di mana m dan n adalah pemalar dan $m \neq 0$.

The function $f(x) = m^2 + 2mx - x^2$ has maximum value of $n^2 + 3m$, where m and n are constants and $m \neq 0$

(a) (i) Ungkapkan $f(x)$ dalam bentuk $a(x-b)^2 + c$, di mana a , b dan c adalah pemalar
Express $f(x)$ in the form of $a(x-b)^2 + c$, where a , b and c are constants.

[3 markah/marks]

(ii) Tunjukkan bahawa $n^2 = m(2m - 3)$

Show that $n^2 = m(2m - 3)$

[2 markah/marks]

(b) Seterusnya, atau sebaliknya, jika graf $y = f(x)$ bersimetri pada $x = n^2 + m$, cari nilai bagi m dan n .

Hence, or otherwise, if the graph of $y = f(x)$ is symmetrical about $x = n^2 + m$, find the value of m and n .


[5 markah/marks]

Jawapan/Answer : (a) (i) $-(x-m)^2 + 2m$ (b) $m = \frac{3}{2}$, $n = 0$

Jawapan/Answer :

63. Dalam rajah di bawah, ABE ialah segi tiga sama kaki dan BCDE ialah segi empat tepat. Perimeter bentuk itu ialah 22 cm dan luasnya ialah 30 cm^2

In the diagram, ABE is an isosceles triangle and BCDE is a rectangle. The perimeter of the shape is 22 cm and its area is 30 cm^2



- (a) Nyatakan jarak serenjang dari A ke garis BE, dalam sebutan x .
State the perpendicular distance from A to line BE, in terms of x .

[3 markah/marks]

- (b) Cari nilai-nilai yang mungkin bagi x dan y .
Find the possible values of x and y .

[7 markah/marks]

Jawapan/Answer : (a) $4x \text{ cm}$ (b) $x = 1, y = 3; x = \frac{5}{6}, y = \frac{13}{3}$

Jawapan/Answer :

64. (a) Nilai seketul batu permata pada permulaan tahun 1970 ialah RM 12 000. Nilainya bertambah secara berterusan supaya selepas t tahun nilai bagi batu permata diberi oleh ungkapan $1\,200(1.03)^t$.

The value of a precious stone at the beginning of year 1970 was RM 12 000. This value increased continuously so that after a period of t years the value of the stone was given by expression $1\,200(1.03)^t$.

- (i) Hitungkan nilai batu permata itu kepada RM yang terdekat pada permulaan tahun 1985.

Calculate the value of the stone, to the nearest RM, at the beginning of 1985.

[4 markah/marks]

- (ii) Cari nilai tahun di mana nilai bagi batu permata itu kali pertama mencapai RM 21 000.

Find the year in which the value of the stone first reached RM 21 000.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer : (a) (i) RM 18 695 (ii) 19 tahun / 19 years

- (b) Tunjukkan bahawa $25^n + 5^{2(n+1)} + 25^{n+1}$ boleh dibahagikan tepat dengan 51 bagi semua nilai integer positif n .


Show that $25^n + 5^{2(n+1)} + 25^{n+1}$ is divisible by 51 by all positive integer values of n .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer : $51 (5^n)^2$ adalah boleh dibahagi oleh 51

Jawapan/Answer :

65.



Rajah di atas menunjukkan satu siri segi tiga bersudut tepat dengan keadaan segi tiga pertama mempunyai tapak p cm dan tinggi q cm. Tapak dan tinggi segitiga berikutnya adalah separah daripada segitiga sebelumnya.

Diagram above shows a series of right-angled triangles where the first triangle has base p cm and height q cm. The base and the height of the successive triangles is half of the preceding triangle.

- (a) Tunjukkan bahawa luas segi tiga membentuk satu jangjang geometri. Seterusnya, nyatakan nisbah sepunya jangjang ini.

Show that the areas of the triangles form a geometric progression. Hence, state the common ratio of the progression.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer : $r = \frac{1}{4}$

- (b) Jika $p = 120$ cm dan $q = 80$ cm

If $p = 120$ cm and $q = 80$ cm,

- (i) cari perimeter bagi segitiga yang keempat.

find the perimeter of the 4th triangle.

[3 markah/marks]

- (ii) tentukan segitiga yang mempunyai luas $\frac{75}{256}$ cm².

determine which triangle has an area of $\frac{75}{256}$ cm²

[2 markah/marks]

- (iii) hitung hasil tambah hingga ketakterhinggaan, S_{∞} dalam cm² bagi jangjang geometri yang terbentuk.

calculate the sum to infinity, S_{∞} in cm² of the geometric progression formed.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer: (b) (i) 43.03cm (ii) $n = 8$ (iii) $S_{\infty} = 6400$ cm

Jawapan/Answer :

66. Jadual di bawah menunjukkan nilai-nilai daripada eksperimen mengenai jarak yang dilalui, s meter dan masa diambil, t saat, oleh suatu zarah.

Table shows the experimental values of the distance travelled, s metres, and the time taken, t seconds by a particle.

t	2	4	6	8	10	12
s	3.9	20	48	88	141	195

Diketahui bahawa s dan t dihubungkan oleh persamaan $s = vt^2 + wt$, dengan keadaan v dan w ialah pemalar yang perlu ditentukan.

It is known that s and t are related by the equation $s = vt^2 + wt$, where v and w are constants to be determined.

- (a) Tukarkan persamaan tak linear tersebut kepada persamaan linear
Convert the non-linear equation to a linear equation.

[1 markah/mark]

- (b) Gunakan skala 2 cm kepada 2 s pada paksi- t dan 2 cm kepada 2 ms^{-1} pada paksi $-\frac{s}{t}$, lukis garis lurus penyuaian terbaik.

Use a scale of 2 cm to 2 s on the t -axis and 2 cm to 2 ms^{-1} on the $\frac{s}{t}$ -axis, draw the line of best fit.

[4 markah/marks]

- (c) Daripada graf yang diperolehi, tentukan nilai v dan w .
From the graph obtained, determine the values of v and w .

[3 markah/marks]

- (d) Terangkan maksud kecerunan garis lurus itu.
Explain the significance of the gradient on the straight line.


[2 markah/marks]

Jawapan/Answer: (a) $\frac{s}{t} = vt + w$ (c) $v = 1.5$; $w = -1$

Jawapan/Answer :

67. Rajah menunjukkan bucu-bucu sebuah segi empat tepat ABCD yang dilukis pada suatu satah Cartes.

The diagram shows the vertices of rectangle ABCD drawn on a Cartesian plane.



- (a) Cari persamaan yang menghubungkan p dan q dengan menggunakan kecerunan BC.

Find an equation that relates p and q by using the gradient of BC

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer: $-2q + 3p = -34$

- (b) Tunjukkan bahawa luas ΔABC boleh diungkapkan sebagai $-3q - 2p + 12$.

Show that the area of ΔABC can be expressed as $-3q - 2p + 12$.

[3 markah/marks]

- (c) Seterusnya, hitung koordinat titik C jika luas segi empat tepat ABCD ialah 104 unit^2 .

Hence, calculate the coordinates of point C if the area of rectangle ABCD is 104 unit^2 .

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer: $C(-14, -4)$

- (d) Cari persamaan garis lurus AD dalam bentuk pintasan.


Find the equation of straight line AD in intercept form.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer: $\frac{x}{\left(-\frac{8}{4}\right)} + \frac{y}{4} = 1$

Jawapan/Answer :

68.



Sebuah pesawat berlepas dari permukaan bumi dengan laju malar 500 km/j menuju ke arah bearing 070° pada ketika angin bertiup dengan laju malar 80 km/j dari timur ke barat seperti yang ditunjukkan dalam rajah di atas.

A plane takes off from the earth's surface at a constant speed of 500 km/h towards the bearing 070° when the wind blows at a constant speed of 80 km/h from east to west as shown in the figure above.

- (a) Tunjukkan bahawa laju paduan pesawat itu ialah lebih kurang 426 km/j ke arah bearing lebih kurang 067° .

Show that the resultant speed of the aircraft is approximately 426 km/h towards the bearing approximately.

[6 markah/marks]

- (b) Seterusnya, jika pesawat itu berlepas pada 24° dengan permukaan bumi, cari masa yang di ambil oleh pesawat itu untuk mencapai ketinggian 30 km dari permukaan bumi.

Next, if the plane takes off at 24° with the earth's surface, find the time taken by the plane to reach an altitude of 30 km from the earth's surface.


[4 markah/marks]

Jawapan : (b) 10.40 minit

Jawapan/Answer :

69. Rajah menunjukkan dua bulatan sama dengan jejari 6 cm yang bersentuhan di B dan berada dalam satu bulatan besar berpusat O dan berjejari 16 cm.

Diagram shows two identical circles with radius 6 cm touching at point B and inscribe in a large circle with centre O and a radius of 16 cm.



[Guna/Use $\pi = 3.142$]

- (a) Cari perimeter kawasan berlorek.

Find the perimeter of the shaded region.

- (b) Hitung luas kawasan berlorek

Calculate the area of the shaded region.


[10 markah/marks]

[Jawapan : (a) 47.17 cm (b) 37 cm²]

Jawapan/Answer :

70. Rajah menunjukkan sebuah pepejal gabungan sebuah hemisfera dan silinder tertutup berjari r cm dan tinggi h cm.

Diagram shows a combined solid of a hemisphere and a closed cylinder with radius r cm and height h cm.



[Isi padu sfera $=\frac{4}{3}\pi j^3$, Luas permukaan sfera $=4\pi j^2$]

[Volume of sphere $=\frac{4}{3}\pi r^3$, Surface area of a sphere $=4\pi r^2$]

- (a) Ungkapkan jumlah luas permukaan pepejal, A cm², dan isi padu, V cm³, dalam sebutan h dan r .

Express the total surface area, A cm², and the volume, V cm³, of the solid in terms of h and r .

[3 markah/marks]

Jawapan / Answer: $A = 3\pi r^2 + 2\pi r h$ dan $V = \pi r^2 h + \frac{2}{3}\pi r^3$

- (b) Jika luas permukaan pepejal itu ialah 40π cm², ungkapkan h dalam sebutan r dan seterusnya tunjukkan bahawa $V = 20\pi r - \frac{5\pi r^3}{6}$.

If the total surface area of the solid is 40π cm², express h in terms of r and hence, show $V = 20\pi r - \frac{5\pi r^3}{6}$.

[4 markah/marks]

Jawapan / Answer: $h = \frac{40 - 3r^2}{2r}$

- (c) Jika jejari pepejal itu bertambah dengan kadar 0.3 cms⁻¹, cari kadar perubahan isi padu dalam cm³s⁻¹, apabila jejari ialah 1.2 cm.

If the radius of the solid is increasing at the rate of 0.3 cms⁻¹, calculate the rate of change of volume in cm³s⁻¹, when the radius is 1.2 cm.


[3 markah/marks]

Jawapan / Answer: 4.94π cm³s⁻¹

Jawapan/Answer :

71. Rajah menunjukkan garis lurus AC menyalang lengkung $y = x^2 - 6x + 15$ pada titik A dan titik B .

Diagram shows the straight line AC intersects the curve $y = x^2 - 6x + 15$ at point A and point B .



Rajah / Diagram

- (a) Hitung luas rantau berlorek P .
Calculate the area of the shaded region P .

[5 markah/marks]

Jawapan / Answer: $45\frac{7}{12} \text{ cm}^2$

- (b) Diberi bahawa $\int_0^4 (x^2 - 6x + 15) dx = p$. Cari isi padu janaan, dalam sebutan p , apabila rantau berlorek Q diputar melalui 360° pada paksi- x .

It is given that $\int_0^4 (x^2 - 6x + 15) dx = p$. Find the volume generated, in terms of p , when the shaded region Q is rotated through 360° about the x -axis.

[5 markah/marks]

Jawapan / Answer: $(505\frac{1}{3} - p)\pi$ unit³

Jawapan/Answer :

72. (a) Alias dan abangnya, Megat menyertai pasukan hoki sekolah menengah. Terdapat 16 pemain dalam pasukan tersebut. Dengan andaian mana-mana pemain boleh bermain dimana-mana kedudukan, berapakah bilangan cara jurulatih dapat memilih enam pemain permulaan berdasarkan syarat-syarat berikut?

Alias and his brother Megat belong to the high school hockey team. There are 16 players on the team. Assuming any player can play in any position, how many ways can the coach select the starting six players based on the following conditions?

- (i) Enam pemain permulaan (tengah, sayap kiri, sayap kanan, pertahanan kiri, pertahanan kanan dan penjaga gol) dipilih.
The starting six players (center, left wing, right wing, left defense, right defense and goalkeeper) are chosen.
- (ii) Enam pemain permulaan, jika Alias mesti menjadi penjaga gol.
The starting six players, if Alias must be the goalkeeper.
- (iii) Enam pemain permulaan, jika Alias dan abangnya, Megat mesti bermain dibahagian pertahanan.
The starting six player, if Alias and his brother Megat must play defense.

[5 markah/marks]

Jawapan/Answer : (a) (i) 5 765 760 (ii) 360 360 (iii) 48 048

- (b) Satu kumpulan pertandingan robotik yang terdiri daripada 5 orang murid akan dipilih daripada sekumpulan 5 orang lelaki dan 7 orang perempuan. Cari bilangan kumpulan yang boleh dibentuk jika

A robotic competition group consisting of 5 students is to be selected from a group of 5 men and 7 women. Find the number of ways the group can be formed if

- (i) tidak ada syarat dikenakan
there is no restriction
- (ii) 3 perempuan dipilih
3 women are selected
- (iii) bilangan lelaki melebihi bilangan perempuan
the number of men is more than women


[5 markah/marks]

Jawapan/Answer : (b) (i) 792 (ii) 350 (iii) 246

Jawapan/Answer :

73. (a) Seorang guru ingin menjalankan suatu analisis ke atas pencapaian matematik pelajar-pelajar di dalam kelasnya. Didapati bahawa kebarangkalian seorang pelajar berjaya mencapai sasaran dalam suatu ujian bulanan tertentu ialah p . Suatu sampel 3 orang pelajar dipilih secara rawak. Rajah dibawah menunjukkan keputusan analisis itu, dengan keadaan X mewakili bilangan pelajar yang berjaya mencapai sasaran.

A teacher wants to conduct an analysis on the math achievement of the students in his class. It is found that the probability of a student succeeds to achieve the target in a particular monthly test is p . A sample of 3 students is selected at random. The figure below shows the results of the analysis, with condition X represents the number of students who succeed achieve the target.



- (i) Cari nilai p .

Find the value of p .

- (ii) Jika guru itu mempunyai seramai 60 orang pelajar, cari bilangan pelajar yang tidak mencapai sasaran.


If the teacher has 60 students, find the number of students who do not achieve the target.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer : (a)(i) $p = 0.6316$ (ii) 22

- (b) Diagram di bawah menunjukkan graf taburan normal piawai dengan min μ dan sisihan piawai σ .

Diagram below shows that a standard normal distribution graph with a mean, μ and a standard deviation, σ .



- (i) Cari nilai bagi μ dan σ .

Find the value of μ and σ .

- (ii) Hitungkan luas kawasan berlerek.

Calculate the area of the shaded region.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer : (b)(i) 0,1 (ii) 0.8403

- (c) Jarak antara rumah dan sekolah pelajar bertabur secara normal dengan min 6.2 km dan sisihan piawai 1.6 km. Jadual di bawah menunjukkan masa pelajar harus bertolak dari rumah untuk tiba di sekolah sebelum jam 7.30 pagi berdasarkan jarak rumah mereka dari sekolah.

The distance between the house and the school of a students has a normal distribution with a mean of 6.2 km and standard deviation of 1.6 km. Tables below shows the time students has to depart from their house in order to arrive at the school before 7.30 am based on their house's distance from school.

Masa bertolak dari rumah/ <i>Time to depart from house</i>	Sebelum/ <i>Before</i> 6.30 am	Selepas/ <i>After</i> 6.50 am
Jarak rumah ke sekolah/ <i>Distance from house to school</i>	Lebih dari/ <i>More than</i> 8 km	Kurang dari/ <i>Less than</i> 4.5 km

Pada hari tertentu, semua pelajar tiba di sekolah sebelum jam 7.30 pagi. Cari peratusan pelajar yang bertolak dari rumah

On a certain day, all students arrive at the school before 7.30 am. Find the percentage of students who depart from the house

- (i) sebelum 6.30 am
before 6.30 am.
- (ii) antara 6.30 am dan 6.50 am.
between 6.30 am and 6.50 am.

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer : (ii) 13.04% (iii) 72.57%

Jawapan/Answer :

74. (a) Buktikan $\tan^2 x = \frac{1 - \cos 2x}{\cos 2x + 1}$

Prove that $\tan^2 x = \frac{1 - \cos 2x}{\cos 2x + 1}$

[3 markah/marks]

(b) Seterusnya,

Hence,

(i) Lakar graf bagi $y = \sqrt{\frac{1 - \cos 2x}{\cos 2x + 1}}$ untuk $0 \leq x \leq 2\pi$.

sketch the graph of $y = \sqrt{\frac{1 - \cos 4x}{\cos 4x + 1}}$ *for* $0 \leq x \leq 2\pi$.

[4 markah/marks]

(ii) dengan menggunakan paksi yang sama, lakar satu garis lurus yang menyelesaikan persamaan $|\tan 2x| = 3x$ untuk $0 \leq x \leq 2\pi$, dan nyatakan bilangan penyelesaiannya.


using the same axes, sketch a straight line to solve the equation $|\tan 2x| = 3x$ *for* $0 \leq x \leq 2\pi$, *and state the number of solutions.*

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer : b(ii) number of solutions = 9

Jawapan/Answer :

75. Rajah menunjukkan piramid $ABCD$ dengan segitiga ABC sebagai satah mengufuk.
Diagram shows a pyramid $ABCD$ with triangle ABC as the horizontal base.



D ialah puncak bagi piramid itu, dan sudut antara satah condong BCD dengan dasar ABC ialah 50° . Diberi $AB = AC = 5.6$ cm and $BD = CD = 4.2$ cm.

D is the vertex of the pyramid, and the angle between the inclined plane BCD and the base ABC is 50° . Given that $AB = AC = 5.6$ cm and $BD = CD = 4.2$ cm.

Hitungkan
 Calculate

- (a) panjang CB jika luas dasar ABC ialah 12.4 cm²,
the length of CB if the area of the base ABC is 12.4 cm², [3 markah/marks]
- (b) panjang AD ,
the length of AD , [3 markah/marks]
- (c) luas segitiga ABD .
the area of the triangle ABD . [4 markah/marks]

Jawapan/Answer: (a) 4.9331 cm, 3.8549 cm, (c) 8.091 cm²

Jawapan/Answer :

76. Jadual menunjukkan harga pada tahun 2010, peratus perubahan harga dari tahun 2010 ketahun 2013 dan pemberat bagi empat jenis alat tulis yang dijual di sebuah kedai.
Table shows the prices in the year 2010, percentage change in prices from the year 2010 to the year 2013 and weightages of four types of stationery sold in a shop.

Alat tulis <i>Stationery</i>	Harga(RM) / unit <i>Price(RM) / unit</i>	Peratusan perubahan harga <i>Percentage change in price</i>	Pemberat <i>Weightage</i>
<i>P</i>	6.00	30	3
<i>Q</i>	3.00	<i>x</i>	4
<i>R</i>	1.20	<i>y</i>	2
<i>S</i>	2.40	0	1

- (a) Hitung harga alat tulis P pada tahun 2013.
Calculate the price of stationery P in the year 2013. [2 markah/marks]
- (b) Harga alat tulis Q ialah RM3.60 pada tahun 2013. Hitung nilai *x*.
The price of stationery Q is RM3.60 in the year 2013. Calculate the value of x. [2 markah/marks]
- (c) Indeks gubahan bagi harga empat jenis alat tulis yang dijual di kedai itu pada tahun 2013 berasaskan tahun 2010 ialah 124.
The composite index for the price of the four types of stationery sold in the shop in the year 2013 based on the year 2010 is 124.
- (i) Hitung nilai *y*.
Calculate the value of y. [4 markah/marks]
- (ii) Harga setiap jenis alat tulis itu meningkat sebanyak *z* % dari tahun 2013 ke tahun 2016. Diberi bahawa indeks gubahan bagi harga empat jenis alat tulis yang dijual di kedai itu pada tahun 2016 berasaskan tahun 2010 ialah 148.8. Cari nilai *z*.
The price of each type of stationery increases by z % from the year 2013 to the year 2016. It is given that the composite index for the price of the four types of stationery sold in the shop in the year 2016 based on the year 2010 is 148.8. Find the value of z.

[2 markah/marks]

Jawapan/Answer: (a) RM7.80 (b) 20 (c)(i) 35 (c) (ii) 20

Jawapan/Answer :

77. Satu zarah bergerak di sepanjang garis lurus dan melalui satu titik tetap O . Halajunya, $v \text{ m s}^{-1}$ diberi oleh $v = t^2 - 6t + 8$, dengan keadaan t ialah masa dalam saat selepas melalui titik O . Zarah itu berhenti seketika pada titik A dan titik B .

A particle moves along a straight line and passes through a fixed point O . Its velocity, $v \text{ m s}^{-1}$ is given by $v = t^2 - 6t + 8$, such that t is the time in seconds after passing through O . The particle stops instantaneously at point A and point B .

(a) Cari
Find

- (i) halaju minimum zarah itu, dalam m s^{-1} .
the minimum velocity of the particle, in m s^{-1} .
- (ii) jarak antara titik A dan titik B .
the distance between point A and point B .

[7 markah/marks]

- (b) Seorang ahli Fizik melakar satu graf halaju melawan masa zarah itu untuk memahami pergerakannya, dari mula sehingga 7 saat pertama.

A physicist sketched a graph of velocity against time of the particle to understand its motion, from the start until the first 7 seconds.

- (i) Lakar graf itu.
Sketch the graph.
- (ii) Seterusnya, tentukan julat bagi nilai t apabila halaju zarah itu meningkat.

Hence, determine the range of values of t when the velocity of the particle is increasing.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer: (a) (i) $v = -1$ (ii) $\frac{4}{3}$ (c) (ii) $3 < t \leq 7$

Jawapan/Answer :

78. Normaya mempunyai sebuah syarikat. Di bawah syarikat itu terdapat Kilang A dan Kilang B . Kedua-dua kilang menghasilkan meja dan kerusi. Masa yang digunakan oleh Kilang A dan Kilang B untuk menghasilkan sebuah meja ialah 25 minit dan 30 minit masing-masing. Kilang A menghasilkan sebuah kerusi dalam masa 40 minit dan Kilang B pula menghasilkan sebuah kerusi dalam masa 30 minit. Syarikat itu menghasilkan x unit meja dan y unit kerusi setiap minggu.

Kilang A beroperasi sekurang-kurangnya 1600 minit setiap minggu manakala Kilang B beroperasi tidak melebihi 4800 minit seminggu. Penghasilan kerusi seminggu tidak melebihi tiga kali ganda penghasilan meja.

Normaya owns a company. Under the company there is a Factory A and a Factory B. Both factories manufacture tables and chairs. The time taken by Factory A and Factory B to produce one table is 25 minutes and 30 minutes respectively. Factory A takes 40 minutes to produce one chair while Factory B takes 30 minutes to produce one chair. The company produces x units of tables and y units of chairs in a week. Factory A operates for at least 1600 minutes per week while Factory B operates for not more than 4800 minutes per week. The production of chairs in a week does not exceed three times the production of tables.

- (a) Tuliskan tiga ketaksamaan , selain daripada $x \geq 0$ dan $y \geq 0$ yang memenuhi semua kekangan di atas.

Write three linear inequalities, other than $x \geq 0$ and $y \geq 0$ that that satisfy all the given constraints.

[3 markah/marks]

- (b) Dengan menggunakan skala cm kepada 20 unit pada kedua-dua paksi, bina dan label rantau R yang memuaskan semua kekangan.

Using a scale of a scale of 2 cm to 20 units on both axes, construct and label the region R that satisfies all the constraints.

[3 markah/marks]

- (c) Melalui graf yang dilukis di (b), cari

Using the graph from (b), find

- (i) Keuntungan maksimum bagi bulan Februari jika keuntungan jualan sebuah meja ialah RM 20 dan keuntungan jualan sebuah kerusi ialah RM 18.

The maximum profit in the month of February if the profit from one unit of table and one unit of chair is RM 20 and RM 18 respectively.

[3 markah/marks]

- (ii) Bilangan maksimum meja yang dihasilkan oleh syarikat itu setiap minggu jika bilangan meja yang dihasilkan adalah dua kali ganda bilangan kerusi yang dihasilkan.

The maximum number of tables produced by the company in a week if the number of tables produced is twice the number of chairs produced.

[1 markah/marks]

Jawapan/Answer: (a) $5x + 8y \geq 320$; $3x + 3y \leq 480$; $Y \leq 3x$

(c)(i) RM 12800 (ii) 106

Jawapan/Answer :